

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PERDANA MENTERI TUMPU ISU KOS SARA HIDUP LANGKAH WAJAR

PUTRAJAYA, 28 November 2022 - Saya sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) mengalu-alukan langkah Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil langkah segera menumpukan perhatian dan gerak kerja kepada isu kos sara hidup rakyat sebagai agenda pertama beliau. Mengadakan mesyuarat dengan mengeneipkan cuti hari Ahad menunjukkan seriusnya beliau memberi perhatian kepada isu tersebut.

2. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah pasti merupakan agensi di hadapan dalam soal ini dan Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) perlu berperanan membantu merealisasikan keprihatinan Perdana Menteri.

3. Saya berpendapat subsidi bersasar merupakan rasionalisasi dasar yang tepat akan tetapi sudah tentu ia harus dilaksanakan dengan mekanisme yang efisien. Saya juga berpendapat tumpuan awal harus diberi kepada menentukan kaedah memastikan keperluan asas rakyat/ pengguna tidak terdedah kepada monopoli dan eskploitasi oleh perusahaan besar.

4. Saya mengusulkan agar kebergantungan negara kepada sumber luar iaitu import terutama bahan makanan, perlu diatasi dalam jangka masa sederhana dan panjang. Adalah sangat penting untuk Kerajaan memastikan perusahaan domestik dikembangkan bagi menampung dan menstabilkan keperluan dalam negara. Dengan yang demikian langkah mengutamakan pengeluaran dalam negara hendaklah diusahakan dengan mewujudkan insentif yang wajar kepada perusahaan tempatan.

5. MPPN menyokong supaya Kos sara hidup dalam hal makanan, utiliti, pengangkutan, kesihatan, perumahan dan pendidikan perlu menjadi tumpuan utama Kerajaan dan harus disokong oleh pengeluar, peniaga dan pengguna.

TUAN HAJI MOHD AZMI ABDUL HAMID

Pengerusi

Majlis Penasihat Pengguna Negara

Putrajaya, 28 November 2022

#End#

LATAR BELAKANG MAJLIS PENASIHAT PENGGUNA NEGARA

Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) adalah sebuah badan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Objektif utama Majlis ini adalah untuk mewujudkan platform bagi membincang dan menimbangakan isu-isu kepenggunaan terutamanya perkara-perkara yang termaktub di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan memberi nasihat kepada YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengenainya.

Menurut Seksyen 73, Akta Perlindungan Pengguna 1999, YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh menubuhkan Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN) untuk menasihati beliau mengenai perkara-perkara berikut:

1. Berkenaan dengan isu-isu pengguna dan pelaksanaan Akta ini;
2. Penggalakan perlindungan pengguna dan kesedaran hal ehwal pengguna; atau
3. Apa-apa perkara lain yang boleh dirujuk kepada YB Menteri untuk pelaksanaan wajar dan berkesan Akta ini dan bagi perlindungan pengguna.

Mengikut peruntukan Seksyen 74, APP 1999, keanggotaan MPPN adalah terdiri daripada Ketua Setiausaha KPDNHEP atau wakilnya, 16 orang ahli lain yang mewakili kepentingan pengguna, pengilang, pembekal, pertubuhan bukan kerajaan dan anggota akademik. Tempoh pelantikan tidak melebihi dua (2) tahun dan boleh dilantik semula selepas tamat tempoh jawatannya.

#End#